

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30 June 2015

## Tanggung pemilihan UMNO bukan daripada Najib

Um - 30/6/2015

**SEREMBAN 29 Jun** - Usul penangguhan pemilihan UMNO bukan datang daripada Presiden parti, Datuk Seri Najib Tun Razak tetapi di peringkat akar umbi.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan menegaskan, beliau adalah individu yang membawa usul itu dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO minggu lalu dan telah dipersetujui secara bersama oleh semua ahli majlis yang hadir untuk penangguhan itu.

"Bukan Datuk Seri Najib yang usulkan. Presiden tidak masuk campur dalam usul berkenaan. Saya yang bawa usul itu dan nyatakan bahawa kita tidak perlu adakan pemilihan UMNO tahun hadapan. Usul itu kemudian disokong oleh semua Ahli Majlis Tertinggi UMNO setelah mendengar suara akar umbi serta mesyuarat kepimpinan peringkat Bahagian di Janda Baik bulan lalu.

"Pandangan akar umbi itu dibawa dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO minggu lepas. Saya mahu nafikan tohmahan yang mengatakan bahawa penangguhan pemilihan UMNO tahun hadapan adalah taktik atau cara Presiden untuk raih sokongan. Itu tidak betul dan salah," katanya di Wisma UMNO, di sini hari ini.

Mohamad bercakap kepada pemberita selepas melancarkan

program agihan kurma, air zam-zam dan kain baju Melayu sempena Ramadan al Mubarak yang turut di hadiri Pengerusi Biro Kebajikan UMNO, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Mohamad yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO menegaskan, jangan sekali-kali menidakkan sindrom apabila ada pemilihan akan adalah perpecahan, malah akan wujud pasukan 'A', 'B' mahupun 'C' sehingga menyebabkan perpecahan terus berlaku dalam parti.



**MOHAMAD HASAN**

"Kalau tidak dapat jawatan pula, pasti ada yang merajuk dan berdendam dengan parti. Perkara itu tidak sepatutnya berlaku. Maka Ahli Majlis Tertinggi UMNO berpendapat penangguhan itu perlu untuk parti memberikan tumpuan kepada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dan UMNO serta Barisan Nasional (BN) menang dalam pilihan raya itu.

"Apabila sudah menang (PRU-14) esok, buatlah pemilihan parti. Waktu itu siapa mahu bertanding, terpulang dan siapa yang mahu pegang jawatan, peganglah," tegas Mohamad.

Satu perkara lagi, kata Mohamad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, jika pemilihan berlaku tahun hadapan, tumpuan ahli parti pada PRU-14 akan longgar apabila masing-masing

ing sibuk mahu berkempen untuk bertanding jawatan.

Ditanya tohmahan itu datang daripada siapa, Mohamad menegaskan, tohmahan terhadap parti dan kepimpinan boleh datang dari pelbagai sudut termasuklah pasukan tertentu, orang luar parti dan dari dalam parti sendiri.

"Saya tidak menuduh sesiapa tetapi kadangkala ada pasukan tertentu yang mempunyai agenda untuk jatuhkan UMNO, kemudian melarat sehingga menyerang pemimpin parti. Saya amat kesal kerana ada tohmahan tidak berasas seperti penundaan pemilihan UMNO ini.

"Pihak yang melakukan tohmahan itu mengambil kesempatan daripada persepsi negatif yang diada-adakan, digembar-gemburkan oleh pihak berkepentingan. Ketika ini, semua yang dilemparkan kepada kerajaan mahupun pemimpin dan parti UMNO, mudah dipercayai kerana orang lebih percaya tohmahan daripada fakta sebenar," tegas beliau.

Justeru kata beliau, penting bagi kerajaan dan UMNO untuk menjelaskan fakta betul agar rakyat dan ahli parti faham apa sebenarnya yang berlaku.

Baru-baru ini, Presiden UMNO, Najib berkata, keputusan penangguhan itu dibuat Majlis Tertinggi UMNO mengikut fasal 10.16 perlembagaan parti selepas mengambil kira pelbagai aspek termasuk soal kepentingan bagi memperkukuhkan perpaduan parti terlebih dahulu.